


## **Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban**

### **Topik 2**

# **Konsep Etika dan Peradaban**




# Sinopsis

‘Etika’ dan ‘Peradaban’ adalah dua konsep umum sejagat yang dipilih untuk difahami dalam kursus ini. Kedua-dua konsep ini penting untuk memahami dan menghayati dinamika sesebuah masyarakat. Sebagai permulaan kepada kursus ini adalah sesuai dibincangkan kedua-dua konsep ini satu persatu masing-masing dengan tersendiri dan kemudiannya melihat kaitannya dalam konteks susur masa prakolonial, kolonial dan pascakolonial. Fokus pertama adalah perbincangan tentang pergerakan idea dan amalan etika dan peradaban dunia. Fokus kedua, adalah terhadap konsep etika khususnya menghuraikan pengertiannya dalam konteks sejarah pemikiran Eropah, daripada zaman sebelum, semasa dan selepas *Enlightenment*. Kemudian dikupas pula impak kefahaman dan amalan konsep etika ketika disemaikan semasa zaman kolonial dan pascakolonial di luar Eropah. Fokus ketiga adalah terhadap konsep ‘peradaban’ berdasarkan susur masa pra kolonialisme, kolonialisme dan pasca kolonialisme, timur dan barat, perspektif agama dan kepercayaan. Contoh-contoh boleh ditimba daripada pengalaman sejagat dan Alam Melayu.

# Sinopsis

Susur masa




Susur masa




# **Objektif**

Memahami konsep etika dan peradaban serta perkembangan idea dan amalannya.




# Hasil Pembelajaran

1. Menjelaskan konsep etika dalam sejarah pemikiran manusia.
2. Membincangkan konsep peradaban dalam sejarah pemikiran manusia.



# Kandungan

- 1) Menelusuri pergerakan idea dan amalan etika dan peradaban alam Melayu dan dunia.
- 2) Konsep Etika:
  - a) Sejarah pemikiran Eropah, daripada zaman sebelum, semasa dan selepas Enlightenment.
  - b) Perspektif agama dan kepercayaan.
  - c) Kolonialisme dan Pasca Kolonialisme.
- 3) Konsep peradaban:
  - a) Kolonialisme dan Pasca Kolonialisme.
  - b) Timur dan Barat.
  - c) Perspektif agama dan kepercayaan.



## DEFINITION

A civilization is the process by which a society or place reaches an advanced stage of social development and organization.

# **Menelusuri Pergerakan Idea dan Amalan Etika dan Alam Melayu Peradaban Dunia**



## I. Menelusuri Pergerakan Idea dan Amalan Etika dan Peradaban Alam Melayu

- a. Dalam memahami pergerakan idea dan amalan etika dan peradaban di Malaysia pada hari ini, kita perlu memahami peradaban, pengaruh dan perubahan yang berlaku dalam persekitaran Alam Melayu dan Nusantara, khususnya di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.



# Alam Melayu

## Kerajaan-kerajaan Awal Silih Berganti Dalam Alam Melayu / Nusantara



# Perkembangan Sejarah Alam Melayu

## 1) Zaman Pra Sejarah

- Zaman Paleolitik
- Zaman Mesolitik
- Zaman Neolitik
- Zaman Logam / Gangsa Besi

## 2) Zaman Proto Sejarah

- Kewujudan kerajaan purba / kerajaan awal
  - Langkasuka
  - Kedah Tua
  - Gangga Negara
  - Chih-Tu
  - Lo-Yueh
  - Tan-Tan

## 3) Zaman Pensejarahan

- Kewujudan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka
- Bermula pembentukan masyarakat kepelbagaian - perdagangan
- Kedatangan kuasa penjajah
  - Portugis
  - Belanda
  - British

## 4) Zaman Sejarah Moden

- Merdeka 1957
- Perpaduan – penyatuan
- Ke arah pembinaan negara-bangsa Malaysia

- Zaman Pra Sejarah
  - Zaman Paleolitik
    - Kewujudan petempatan paling awal di alam Melayu
    - Kehidupan sara diri & berpindah randah
    - Penggunaan alat batu dalam bentuk asas
  - Zaman Mesolitik
    - Kehidupan masyarakat masih berkisar pada kegiatan sara diri
    - Wujud evolusi dalam kehidupan
    - Bermula kegiatan membentuk batu jadi alatan keperluan & senjata
    - Bermula kegiatan pertanian, penternakan, perdagangan awal & perhubungan dengan kawasan lain
  - Zaman Neolitik
    - Kehidupan masyarakat terus mengalami evolusi
    - Wujud teknologi penciptaan baru yang lebih lengkap
    - Zaman batu akhir – pelengkap zaman batu
  - Zaman Logam / Gangsa Besi
    - Masyarakat mula tinggal tetap di satu-satu kawasan
    - Tertumpu di kawasan yang mempunyai sumber air
    - Bermula penggunaan peralatan logam

## Peradaban Pribumi Alam Melayu : Sorotan Perkembangan Zaman Awal



# Peradaban Pribumi Alam Melayu

- Zaman Proto Sejarah
- Bertitik tolak melalui kewujudan kerajaan Melayu Kuno / Kerajaan Purba
  - Langkasuka
  - Kedah Tua
  - Gangga Negara
  - Chih-Tu
  - Lo Yueh
  - Tan-Tan
- Penggunaan Bahasa Melayu – lingua franca
- Sistem politik tradisi – Sistem Pembesar Empat Lipatan, Sistem Jemaah Menteri, Sistem Penaung - Dinaung
- Sistem sosial – golongan pemerintah & golongan diperintah
- Sistem ekonomi – sara diri



# Peradaban Pribumi Alam Melayu

Kurun pertama hingga kurun keenam masihi, kerajaan Funan muncul sebagai sebuah kuasa terkuat di rantau Asia Tenggara.

Kemudian pada kurun ketujuh hingga kurun ke-11 masihi, kerajaan Srivijaya berjaya mengambil-alih peranan kerajaan Funan sebagai kuasa politik terkuat.

Kerajaan Majapahit pula muncul kuasa terkuat pada kurun ke-13 masihi selepas kejatuhan kerajaan Singhasari di Jawa, semasa pemerintahan Hayam Wuruk dan Patih Gajah Mada.

Kegemilangan empayar Majapahit ini berakhir dengan kemunculan.

Kejatuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka membawa kepada kemunculan Kerajaan Johor-Riau (Melayu-Riau) sebagai kerajaan terkuat di Gugusan Kepulauan Melayu



## Zaman Pensejarahan

Kemunculan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka

Kerajaan Melayu Melaka telah dibuka oleh Parameswara atau Raja Iskandar Shah pada awal kurun ke-15 iaitu sekitar tahun 1400.

Kehebatan Melaka - Terdapat Undang-undang Laut Melaka dan Hukum Kanun Melaka yang menggambarkan Melaka mempunyai peradaban yang tinggi.

Faktor utama perkembangan Kerajaan Melayu Melaka ialah kerana wujudnya sistem pentadbiran yang cekap dan tersusun khususnya melalui Sistem Pembesar Empat Lipatan.

Sistem pentadbiran yang cekap ini berjaya menjamin keamanan dan kemakmuran negeri Melaka.

Faktor ini telah menjadi tarikan para saudagar dan pelayar untuk menjadikan Melaka sebagai pusat kegiatan mereka

**Peradaban yang bermula di Melaka menjadi titik tolak kepada perkembangan 'Peradaban Melayu'**

**Peradaban Melayu ini berteraskan rumpun bangsa yang tergolong dalam cabang 'Melayu-Indonesia' merangkumi Melayu, Jawa, Sunda, Aceh, Madura, Minangkabau, Bugis, Minang, Iban, Bajau, Murut dan pelbagai lagi**

**Rumpun bahasa 'Melayu-Indonesia' pula tercakup dalam Rumpun Bahasa Austronesia**

**Kemunculan Melaka telah menjulang jati diri peradaban Melayu di Tanah Melayu**

# Peradaban Pribumi Alam Melayu


## Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka: Pusat Jaringan Pertemuan dan Pergaulan Peradaban

- Melaka telah menjadi pusat tumpuan perdagangan di Gugusan Kepulauan Melayu sekitar kurun ke-15
- Kemasyhuran Melaka telah menarik kedatangan para saudagar dari benua asing seperti India, China dan Timur Tengah
- Kedatangan pedagang asing dan pendakwah agama telah membuka ruang interaksi dan pertembungan peradaban rentas benua
- Mereka bukan sahaja belajar dan memahami budaya masyarakat Melayu tetapi mereka turut memperkenalkan budaya dan cara hidup mereka kepada masyarakat tempatan
- Interaksi dan pertembungan peradaban rentas benua yang berlaku di Melaka telah menjadi pemangkin kepada asas kewujudan peradaban majmuk



## I. Menelusuri Pergerakan Idea dan Amalan Etika dan Peradaban Asia

- b. Pengaruh peradaban dari luar peradaban Alam Melayu juga perlu dikaji kerana Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah berada di laluan timur-barat melalui Selat Melaka, hinggakan kerajaan-kerajaan di pesisir pantai timur Sumatera dan pesisir pantai barat Tanah Melayu silih berganti menjadi pelabuhan sedunia di mana peradaban majmuk bertemu dan bergaul.



# Pengaruh Peradaban Asia: India

- Hubungan India dengan rantau Asia Tenggara telah bermula sejak kurun ke-2 Masihi lagi.
- Kegiatan penyebaran agama Buddha dan Hindu serta pelayaran putera-putera diraja India telah mempercepatkan hubungan perdagangan serta kebudayaan antara India dengan rantau Asia Tenggara.
- Hubungan awal India dengan Tanah Melayu tidak berbentuk penaklukan politik, kecuali ekspedisi ketenteraan oleh Rajendra Chola yang menyerang Sailendra di Sumatera yang turut menguasai empayarnya termasuk Kerajaan Kedah.
- Nama-nama seperti Suvarnabhumi (Tanah Keemasan) dan Suvarnadvipa (Pulau atau Semenanjung Emas) digunakan untuk merujuk kepada negeri-negeri di Tanah Melayu yang kaya dengan emas.
- Namun begitu, perkembangan pengaruh '*Indianization*' ke atas penduduk di rantau Asia Tenggara berlaku sebelum tahun 1500 Masihi.
- Negara terawal yang mendapat pengaruh India ialah Funan yang bertapak di Lembah Sungai Mekong
- Kemudian pengaruh India tersebar luas ke Langkasuka, Kedah, Kuala Selinsing dan Tanah Merah di Semenanjung, Kam-t'o-li di Sumatera, Taruma di Jawa dan Kutei di Borneo
- Kerajaan yang paling kuat menerima pengaruh India ialah Srivijaya yang muncul pada akhir abad ke 5 M
- Pengaruh India begitu meluas dan kuat di rantau Asia Tenggara sehingga kawasan ini dikenali sebagai '*The Greater India*'.



## SUMBANGAN TAMADUN INDIA

### EKONOMI

Mata wang telah diperkenalkan sejak zaman Gupta

### FALSAFAH

-wujud dalam dua bentuk pemikiran besar:- kumpulan yang bersumberkan kitab Veda dan kumpulan yang menolak kitab Veda.

Kitab Veda terdiri daripada Rig Veda, Yajur Veda, Sama Veda dan Atharva Veda. Mahabharata, Upanishad dan Bhagavad Gita merupakan antara sumbunya.

Falsafah bukan Veda pula bersumberkan ajaran Cavaka, Jainisme dan Buddhisme.

### BAHASA & KESUSAstERAAN

Bahasa Sanskrit (bukti: penemuan prasasti Talang Tuwo/Kedukan Bukit) dan Tamil berasal daripada tamadun India dan masih digunakan oleh orang India sehingga hari ini.

### SENI BINA

- Berupaya membina binaan yang sangat baik dan lengkap— dapat dilihat melalui binaan Great Bath.
- Binaan tamadun India banyak berteraskan agama Hindu dan Buddha— binaan kompleks kuil di Gua Ajanta (mempunyai 20 buah kuil) dan di Gua Ellora (mempunyai 28 buah kuil-gua); Angkor Wat dan Candi Borobudur.

### SAINS & TEKNOLOGI

- Ahli matematik India telah mengetahui tentang konsep geometri
- mendorongnya memperkenalkan sistem nombor (angka Brahmin dan angka Kharosti) yang mencecah ke angka perpuluhan.
- Pengetahuan dalam bidang astronomi pula dapat dipetik daripada Rig Veda.
- batu bata dihasilkan melalui pembakaran dengan suhu yang tinggi.

### AGAMA

-Tempat asal agama Hindu dan Buddha.

### YOGA

- Masyarakat tamadun ini memperkenalkan yoga kepada dunia.
- Yoga diamalkan untuk kesihatan, kelangsiran badan dan sebagainya.

# Pengaruh peradaban India ke atas kebudayaan masyarakat Melayu

Institusi  
Pemerintahan

Undang-  
undang


Adat Istiadat

Bahasa

Kesusasteraan

Kesenian


Kepercayaan



# Pengaruh Peradaban Asia: China

- Tamadun China merupakan salah satu tamadun terawal di dunia.
- Peradaban yang terawal di Negara China ialah di Sungai Kuning iaitu di kawasan utara, kira-kira 4000 hingga 2000 S.M.
- Hubungan China dengan Alam Melayu telah wujud sebelum permulaan tahun Masihi sejak zaman Dinasti Han (140-117 S.M.)
- Semasa pemerintahan Sun Quan (222-252 M), dua orang utusannya telah melawat Funan dan negeri-negeri Melayu yang lain di Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu – wujud hubungan diplomatik
- Pada zaman kegembilangan kerajaan Srivijaya, berlaku kadatangan para saudagar China dan penuntut agama Buddha secara besar-besaran
- Pada zaman Dinasti Tang – telah membuka tujuh jalur jalan dagang dengan dunia luar, salah satunya perjalanan laut dari Guangzhou dengan India, Parsi dan Arab melalui Alam Melayu
- Sejak dari itu hubungan China dengan Alam Melayu semakin kuat yang lebih tertumpu dalam bidang perniagaan
- Kemunculan Melaka telah meneruskan tradisi hubungan baik dengan kerajaan China yang membuka ruang jaringan yang lebih luas dalam penyerapan peradaban khususnya pada zaman Dinasti Ming dalam abad ke-15

# Sumbangan Tamadun Cina



# Pengaruh peradaban Cina ke atas kebudayaan masyarakat Melayu

Serapan perkataan  
Cina ke dalam  
bahasa Melayu

Komuniti Baba dan  
Nyonya

Cina Peranakan

Adat

Kekeluargaan

Makanan &  
Pakaian




# Pengaruh Peradaban Asia: Timur Tengah

- Pengaruh utama peradaban dari Timur Tengah ialah pengembangan agama Islam
- Terdapat teori yang menyatakan Islam dibawa terus dari Semenanjung Tanah Arab ke Alam Melayu pada kurun ke-7 melalui hubungan perdagangan
- Pengaruh peradaban dari Timur Tengah di Alam Melayu bermula di Perlak dengan terbentuknya kerajaan Islam pertama pada 840 Masihi
- Kemudian diikuti dengan Kerajaan Samudera-Pasai pada tahun 1042
- Pasai telah muncul sebagai pusat pertama pengajian dan penyebaran agama Islam yang boleh dianggap sebagai pusat tamadun Melayu Islam yang pertama di Kepulauan Melayu
- Kemudiannya Melaka telah menjadi pusat kebudayaan Melayu Islam dan menjadi nadi kegiatan pengajaran serta penyebaran agama Islam bagi seluruh Kepulauan Melayu.
- Peradaban Melayu telah menyerap unsur dan tradisi tamadun Islam yang akhirnya melahirkan pusat tamadun Melayu Islam tahap dunia di Melaka (kurun 15), Pattani (kurun 16), Aceh (kurun 16 & 17), Johor-Riau-Lingga (kurun 17).

# Pengaruh peradaban Timur Tengah ke atas peradaban Melayu



# Pengaruh Peradaban Timur Tengah



- Pengaruh dari Timur Tengah telah membawa impak yang cukup besar dalam keseluruhan sistem kehidupan masyarakat Melayu
- Kemasukan pengaruh Timur Tengah ini bukan sahaja menghakis pengaruh peradaban India sebelum ini tetapi telah mengubah pegangan agama, kepercayaan, pemikiran, cara hidup, sistem pemerintahan, perundangan dan pelbagai lagi
- Namun begitu, pengaruh peradaban India tidak sepenuhnya hilang, cuma diadaptasi bersama dan disesuaikan dengan ajaran Islam
  - Sebagai contoh: hierarki pemerintahan, adat perkahwinan dan warisan kesenian.
  - Adaptasi dan penyesuaian ini telah memperkuuh dan memperkayakan lagi peradaban Melayu sehingga membentuk peradaban Melayu Islam

## I. Menelusuri Pergerakan Idea dan Amalan Etika dan Peradaban Dunia

- c. Terdapat proses pertemuan dan pergaulan antara peradaban (sama ada sudah terputus atau masih berterusan) yang tersulam sehingga ke hari ini bersama sistem kapitalis sedunia, dipengaruhi oleh globalisasi dan dipacukan pula oleh dunia digital. Pertembungan dan pergerakan idea dan amalan etika dan peradaban dunia menjadi lebih rencam dan tidak mustahil amalan setempat menjadi terpecah dan tidak utuh.





# Peradaban Barat

- Pengaruh peradaban dari Barat bermula dengan kedatangan kuasa kolonial ke Alam Melayu (khususnya Tanah Melayu);
  - Portugis 1511
  - Belanda 1641
  - British 1786
- Peradaban Barat bukan sahaja membawa pengaruh dalam kehidupan sosial dan sistem ekonomi masyarakat, tetapi telah membawa implikasi yang besar dalam struktur pentadbiran dan pemerintahan negara
- Walaupun pengaruh dari Portugis dan Belanda tidak membawa implikasi yang signifikan pada Negeri-negeri Melayu keseluruhannya melainkan Melaka, tetapi secara langsung maupun tidak langsung, ia membawa implikasi dari segi penerimaan beberapa istilah dalam penggunaan Bahasa Melayu
- Hanya setelah kemasukan kuasa Inggeris, pengaruh Barat jelas kelihatan khususnya dari segi sistem pemerintahan negara dan perkembangan ilmu pengetahuan terutamanya kefahaman berkaitan dengan etika dan peradaban di mana agama dipisahkan dari politik (membawa implikasi besar ke atas pembinaan negara-bangsa)
- Selain itu, pengaruh Barat yang cuba mengembangkan ajaran Kristian telah mendorong para pendakwah Islam mempergiatkan peranan mereka di Tanah Melayu




# Pengaruh Peradaban Barat: Portugis

- Tujuan untuk menguasai perdagangan dan mengembangkan agama Kristian
- Tertumpu di Melaka dari tahun 1511 hingga 1641 iaitu selama 130 tahun
- Kesan utama kewujudan masyarakat Serani – perkahwinan campur
- Portugis memperkenalkan sistem tulisan rumi
- Wujud perkataan pinjaman – jendela, almari, garfu, tuala, palsu dan pelbagai lagi
- Kedatangan Portugis telah membawa keruntuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka
- Kejatuhan Melaka membawa kemunculan Kerajaan Melayu-Riau

# Pengaruh Peradaban Barat: Belanda

- Belanda menubuhkan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) tahun 1602 untuk menguasai perdagangan rempah di Kepulauan Melayu
- Belanda cuba menguasai perdagangan kain di India dan bijih timah di Negeri -Negeri Melayu
- Pusat utama ialah di Betawi (Jakarta) - Indonesia
- 1641 – Belanda menyerang Portugis di Melaka dengan bantuan Kerajaan Melayu Johor
- Penjajahan Belanda tertumpu di Melaka selama 183 tahun dari 1641 hingga 1824
- Belanda menyekat kapal dagang supaya berdagang di Betawi
- Penjajahan Belanda berakhir dengan Perjanjian Inggeris-Belanda (Perjanjian London) pada tahun 1824
- Penjajahan Belanda tidak banyak meninggalkan kesan terhadap peradaban Melayu







# Pengaruh Peradaban Barat: Penjajahan Inggeris

- 1786 – Francis Light menduduki Pulau Pinang
- 1819 – Stamford Raffles menduduki Singapura
- 1824 - Perjanjian Inggeris-Belanda yang mengesahkan pendudukan Inggeris di Tanah Melayu
- 1825 – Persetiaan awal Kapten Henry Burney dengan Siam bagi menyekat pengaruh Siam di Perak dan Selangor
- 1826 – Perjanjian Burney ditandatangani antara Inggeris dengan Siam
- 1826 – Singapura, Pulau Pinang dan Melaka disatukan di bawah Negeri-Negeri Selat (NNS)
- 1841 – James Brooke mengambil Sarawak
- 1874 – Perjanjian Pangkor dan campur tangan Inggeris di Perak
- 1874 – Campur tangan Inggeris di Selangor
- 1874 – Campur tangan Inggeris di Sungai Ujong
- 1875 – Brunei menyerahkan Sabah kepada British
- 1888 – Campur tangan Inggeris di Pahang
- 1896 – Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang disatukan membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)
- 1909 – Perjanjian Bangkok ditandatangani di mana Siam menyerahkan Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis kepada Inggeris dan membentuk Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB)
- 1914 – Johor menerima Penasihat British yang pertama

# Pentadbiran Inggeris Di Tanah Melayu.

- Inggeris telah mewujudkan pelbagai sistem pentadbiran semasa jajahannya di tanah Melayu, iaitu:






ENVIRONMENT  
history and vast influence on education  
**ANCIENT EDUCATION**  
(in the West)  
o 479 B.C.  
o Scholarly life:  
- history,  
- character  
- Filial Piety  
o parents &  
- others?




## Bincangkan Pengaruh Etika dan Peradaban-peradaban Luar Alam Melayu?

- Asia: China, India, Timur Tengah,
- Barat: Portugis, Belanda, Inggeris



# Pengaruh Perabadian Sedunia



# Peradaban Globalisasi



- “Era dunia tanpa sempadan” telah memungkinkan berlaku interaksi dan jaringan peradaban merentasi benua dan sempadan negara menerusi;
    - Pemodenan dalam pelbagai bidang kehidupan
    - Perkembangan teknologi maklumat dan informasi – Internet, Komputer, SmartPhone
    - Penggunaan media sosial yang berleluasa – Facebook, WhatsApp's, Instagram, Twitter, Telegram dll
  - Peradaban globalisasi membawa pengaruh yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan merentasi bidang politik, ekonomi, sosio-budaya termasuklah perkembangan bidang ilmu dan pemikiran
  - Perkembangan peradaban global ini turut menjadi penyumbang kepada pembentukan peradaban majmuk di Malaysia

# Peradaban Kontemporari: Membina Peradaban Kacukan Global

- 
- Timur: Jepun, Korea, China, Bangladesh, Pakistan, India, Nepa, Uzbekistan,
  - ASEAN: Indonesia, Viertnam, Myanmar, Thailand, Kemboja, Filipina
  - Arab: Mesir, Saudi, Pelastin, Syarian, Iraq, Yamani
  - Barat: Inggeris, Amerika, Bosnia
  - Afrika: Nigeria, dan Sudan
  - Australia dan New Zealand




## **2. Konsep Etika**

## 2. Konsep Etika:

Sejarah pemikiran Eropah, daripada zaman sebelum, semasa dan selepas Enlightenment


- Perkembangan Pemikiran Sosial: Aristotle, Plato, Socrates
- Enlightenment: Reformasi Gereja Pemimpin agama dan gereja berkurangan, Pemisahan agama daripada politik
- Revolusi Perancis (French Revolution): Sistem beraja diganti dengan republik, Liberty, Equality, Fraternity, Nation
- Revolusi Industri: Individualisme, Hak Asasi, demokrasi; Scientific inquiry dan pembangunan-Rasional, legal dan institutional
- Komunikasi & pengangkutan
- Perdagangan sedunia bermula mercantile ke kapitalis sedunia, globalisasi
- Dunia digital & IR 5.0



## 2. Konsep Etika:


Hindu, Buddha dan Islam

Etika Asia  
berteraskan agama  
yang mempengaruhi  
kehidupan sosial  
dan budaya



## 2. Konsep Etika:

### c. Kolonial dan Pascakolonial




- Melaka-Penang-Singapura-Perak: Pemisahan agama dari politik, Kerajaan memiliki kuasa mentadbir dan menghukum, demokrasi dan undi manakala Sultan mengurus budaya dan agama Islam. Islam hilang peradaban dan menjadi pensyariatan ilmu agama.
- 1957-1969: Masih penerusan ilmu kolonial dan Negeri urus budaya dan agama.
- 1970-: Masih wujud ilmu kolonial tetapi Kerajaan mula mengarus perdanakan Islam dalam projek modenisasi negara.
- Pembina negara bangsa dalam kalangan Melayu terbina tetapi dalam kalangan bukan melayu lebih melihat pembangunan negara tanpa bangsa.

### 3. Konsep Peradaban

#### a. Kolonialisme dan Pasca Kolonialisme




- Materialisme, positivisme, individualisme
- Konsep peradaban pasca kolonial berlapis dengan Melayu-Islam, pribumi, etnik Cina dan India Malaysia, kacukan peradaban sedunia kontemporer hingga lahir kerencaman sosial dan mengurus *super-diversity* pada masa ini.



### 3. Konsep Peradaban

#### a. Kolonialisme dan Pasca Kolonialisme

- Furnivall's (1948) writing of Burma and Indonesia in the 1930 aptly described contemporary Muslim societies as "...social and political relations were customary, not legal; authority was personal, based on Will and not on Law; both custom and authority were closely bound up with religion. The social order rested not on impersonal law and individual rights, but on personal authority and customary obligations, and authority and custom derived their sanction not from reason but from religion". Thus, the social structure is hierarchical and authority is from top to down. Such a socially caste-like society would not be conducive to undergoing social change as the initiative and creativity of the individuals are not the central thrust of its dynamism.




### 3. Konsep Peradaban

#### a. Kolonialisme dan Pasca Kolonialisme

Furnivall's (1948)

- social and political relations were customary, not legal;
- authority was personal, based on Will and not on Law;
- both custom and authority were closely bound up with religion.
- The social order rested not on impersonal law and individual rights but on personal authority and customary obligations
- and authority and custom derived their sanction not from reason but from religion".
- Thus the social structure is hierarchical and authority is from top down.
- Such a socially caste-like society would not be conducive to undergoing social change as the initiative and creativity of the individuals are not the central thrust of its dynamism.



### **3. Konsep Peradaban**

#### **a. Kolonialisme dan Pasca Kolonialisme.**


- The conceptual and theoretical frameworks of Furnivall, Westwood and Posner were summarized and grouped into, initially, four dimensions but later extended to five.
- These dimensions are as follow:
  - Individual Empowerment VERSUS Collective Behaviour.
  - Rationality and Scientism VERSUS Emotive Behaviour.
  - Universalistic VERSUS Particularistic Behaviour.
  - Opened Social System VERSUS Closed Social System.
  - Moral VERSUS Mundane Behaviour.



### 3. Konsep Peradaban

#### b. Timur dan Barat


- Peradaban kacukan dengan rasional-legal dan materialism tersulam nilai.



Equality doesn't mean Justice

Equality



Justice



### **3. Konsep Peradaban**

#### c. Perspektif agama dan kepercayaan

- Alam Melayu diwarnai Kaum Tua.
- 1930 Pengaruh Mesir dan Turki mendorong pergerakan Kaum Muda terutama di Penang, Singapura, Sumatera Barat.
- 1970 Kebangkitan Islam dari pelajar Malaysia di UK dan USA, Revolusi Iran dan Pergerakan Agama berakar umbi di Tanah Melayu ABIM, Al Arqam, PAS-Iran, Jemaah Islam-Kaum Tua, Jemaah Islam Malaysia, Tabligh-India.
- Cina: Buddha Taiwan.
- India: Hindu, Tamil Naidu.
- Kristian: Evangelist USA
- Agama Tradisi.



# Kesimpulan

- Pertemuan dan pergaulan peradaban majmuk di Alam Melayu telah membina etika dan peradaban Malaysia berteraskan nilai disulami dengan rasional-legal dan materialism sedunia.



# JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MODUL DAN VIDEO MODUL PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN INSTITUT KAJIAN ETNIK (KITA-UKM)

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin (KITA-UKM)

Prof. Dr. Mansor Mohd Noor (KITA-UKM)

Prof. Madya Dr. Fazilah Idris (PUSAT CITRA-UKM)

Prof. Madya Dr. Nazri Muslim (PUSAT CITRA-UKM)

Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak (SMMTC-UUM)

Prof. Madya Dr. Dr. Shamrahayu Ab Aziz (UIAM)

Prof. Madya Dr. Mohd Mahadee Ismail (UPM)

Dr. Hairol Anuar Mak Din (KUIS)

Dr. Nur Azlili Hasan (UTAR)

Ahmad Zul Hakimi Hassim (KITA-UKM)